



JABATAN HAL EHWAL VETERAN (JHEV) ATM,
KEMENTERIAN PERTAHANAN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JHEV ATM,
TINGKAT 20, MENARA TH PERDANA,
JALAN SULTAN ISMAIL, 50250 KUALA LUMPUR

TEL: 03-2050 8000

FAKS: 03-2691 7564

Bil: JHEV/UKK/2025/03/27

Tarikh: 27 Mac 2025

SIARAN MEDIA

PROGRAM SUMBANGAN AIDILFITRI KEPADA ANAK-ANAK VETERAN ATM YANG OKU/ASNAF/DAIF TAHUN 2025

Jabatan Hal Ehwal Veteran, Angkatan Tentera Malaysia (JHEV ATM) pada hari ini telah bekerjasama dengan Yayasan Veteran, Angkatan Tentera Malaysia (YVATM) iaitu sebuah organisasi tidak berasaskan keuntungan (*Non-Profit Oriented*) yang bermatlamat untuk memanfaatkan kebajikan Veteran ATM menerusi **Program Majlis Sumbangan Aidilfitri Kepada Anak-Anak Veteran ATM Tahun 2025** bagi meraikan anak-anak veteran dan bekas tentera yang **kelainan upaya (OKU), asnaf dan daif**.

Program tersebut telah dirasmikan oleh **YBhg. Mejar Jeneral Dato' Haji Semaon bin Haji Marjuki, Ketua Pengarah JHEV ATM di Mydin Kuantan Emporium, Pahang**. Majlis perasmian ini turut dihadiri oleh Lt. Kol. Azwadi bin Jamian (B), Ketua Pegawai Eksekutif, Yayasan Veteran Angkatan Tentera Malaysia (YVATM) dan **turut dilaksanakan secara serentak di seluruh negara bermula 24 hingga 28 Mac 2025 ini dengan kerjasama JHEV ATM Cawangan Negeri**.

03 2697 6600 | 03 2050 8000

jhev.gov.my | vibes.jhev.gov.my

[jhevoofficial](#)





JABATAN HAL EHWAL VETERAN (JHEV) ATM,
KEMENTERIAN PERTAHANAN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JHEV ATM,
TINGKAT 20, MENARA TH PERDANA,
JALAN SULTAN ISMAIL, 50250 KUALA LUMPUR

TEL: 03-2050 8000

FAKS: 03-2691 7564

Sebanyak **RM53,770.00.00** akan diagihkan kepada seramai **350 orang anak-anak Veteran ATM dan bekas tentera yang terpilih**. Agihan ini adalah melalui **hasil zakat wakalah dan sumbangan orang perseorangan serta syarikat korporat** yang cakna dengan pengorbanan para veteran kepada Negara.

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada semua para penyumbang. Diharapkan sumbangan ini dapat membantu meringankan beban, merafakkan kesyukuran dan mengukir senyuman dalam suasana berhari raya.

-TAMAT-

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PERTAHANAN NEGARA, TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

‘RESPONSIF | PRIHATIN | KOMITED’

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT (UKK)

JABATAN HAL EHWAL VETERAN ATM (JHEV ATM)

KUALA LUMPUR

